

'Pertikaian boleh diselesaikan melalui perbincangan'

DE 02/11/2012 F

Sherell Ann Jeffrey

KOTA KINABALU: Pertikaian yang timbul disebabkan oleh perbezaan agama boleh diselesaikan melalui perbincangan dan minda terbuka, menurut Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.

Harun, yang diwakili Timbalan Naib Canselornya, Dr Shahril Yusof berkata, pertikaian sedemikian tidak hanya berlaku dalam kalangan wakil pelbagai agama.

"Ketegangan juga timbul antara ahli agama dana pendukung fahaman sekular yang mempelopori kecenderungan pemikiran liberalisme.

Beliau berkata demikian semasa pelancaran Persidangan Kebangsaan Agama dan Masyarakat selama dua hari, dengan tema 'Dinamik Agama dan Masyarakat di Malaysia Abad ke-21' yang diadakan di UMS, pada Rabu.

Persidangan itu dianjurkan oleh Persatuan Penyelidik Kaedah Campuran UMS serta Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS.

"Perbincangan dalam persidangan ini sudah pasti akan melampaui batasan metafizik dan akan menyentuh hal-hal dunia nyata.

"Perbincangan sedemikian adalah penting kerana terdapat pihak yang memberi gambaran bahawa agama ialah perkara peribadi semata-mata, sedangkan sesuatu sistem kepercayaan mempunyai peranan besar dalam memberi petunjuk keharmonian hidup dan saling mencintai sesama insan," kata beliau, mengutip kata-kata Albert Einstein 'sains tanpa agama adalah buta'.

Beliau berharap pertemuan pelbagai latar disiplin ilmu dalam persidangan itu dapat memberi manfaat dengan diskusi ilmiah bersama-sama ahli agama.

"Agama bukan eksklusif milik individu yang merasa dirinya sempurna tetapi agama milik kita semua, justeru, saya berharap persidangan ini dapat mencari titik persamaan dalam kalangan masyarakat pelbagai latar agama kita," kata beliau.

Sementara itu, Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Dr Vincent Phang berkata persamaan tidak semestinya



Shahril memukul gong sebagai simbolik perasmian persidangan sementara (dari kanan) Anantha dan Ahmad menyaksikan.

mewujudkan persefahaman dan perbezaan tidak semestinya mengakibatkan pertikaian.

"Bagaimana kita mengimbangi persamaan dan perbezaan itulah yang penting," kata Phang yang diwakili Timbalan Penyelidikan dan Inovasi Pusat Pelataran Ilmu dan Bahasa, Dr. Anantha Raman.

Beliau berkata pemahaman kepelbagaian yang wujud dari segi kepercayaan agama dan masyarakat berubah mengikut waktu sebab apa yang dianggap sesuai dahulu mungkin tidak lagi sesuai hari ini.

"Sudah tentu terdapat rasional di sebalik perubahan tersebut dan itulah sebabnya kenapa kita perlu mewujudkan satu platform dalam mana individu dapat berkumpul serta bertukar pandangan dan fikiran tentang perubahan, perbezaan, persamaan dan pengetahuan relevan berkaitan agama dan masyarakat," katanya.

Hadir sama Presiden Persatuan Penyelidik Kaedah Campuran UMS, Profesor Madya Dr Ahmad Tarmizi Abdul Rahman merangkap pengurus penganggaran persidangan itu.